

Perhimpunan UMNO: Tiada sebab berasa cemas

UM - 28/11/2006

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tidak ada sebab untuk mana-mana pihak berasa cemas dengan kelantangan beberapa perwakilan UMNO memperjuangkan isu-isu Melayu pada perhimpunan agung parti itu baru-baru ini.

Menurut Perdana Menteri, apa yang penting ialah ia menjadi peringatan kepada semua pihak khususnya bukan Melayu bahawa perbincangan yang melibatkan isu-isu kaum dan agama masih lagi sensitif dan perlu dilakukan dengan berhati-hati.

Ini kerana, katanya, orang Melayu akan memberikan reaksi kepada apa yang mereka dengar, khususnya jika ia menyentuh kedudukan kaum dan agama mereka.

Beliau memberikan contoh, perbincangan mengenai Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang walaupun telah dimulakan sejak berpuluh tahun lalu, masih lagi sensitif kepada orang Melayu.

Namun, katanya, kelantangan beberapa pihak itu tidak harus disalah tafsir kerana hanya melibatkan segeintir perwakilan.

"Semua pihak perlu sedar, hanya tiga daripada 22 perwakilan yang berucap disifatkan sebagai keterlaluan.

"Ia tidak boleh disifatkan sebagai mewakili keseluruhan UMNO," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada Majlis Makan Malam an-

jurran Persatuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Malaysia (UNAM) di sini malam ini.

Turut hadir, Presiden UNAM, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen dan Pengerusi penganjur, Tan Sri Razali Ismail.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, beliau gembira dengan perjalanan perhimpunan kali ini kerana meskipun diiringi kelantangan begitu, semua usul diluluskan tanpa sebarang pindaan.

Perdana Menteri turut memberitahu bahawa dalam ucapan penggulungannya, beliau telah menjelaskan mengenai kontrak sosial negara dan kedudukan Melayu sebagai pemimpin Barisan Nasional (BN) dan ini telah diterima dengan baik oleh semua perwakilan.

"Saya amat gembira kerana mereka memberikan tepukan gemuruh kepada ucapan saya itu.

"Jika mereka tidak mengendah dan hanya senyap, saya akan tahu bahawa suatu yang tidak betul telah berlaku," katanya.

Beliau menambah, sokongan itu bukan sahaja diterima di dalam dewan perhimpunan itu tetapi juga dinyatakan secara peribadi kepadanya selepas perhimpunan berakhir.

Apa yang penting, kata Perdana Menteri ialah, selepas bertahun-tahun DEB, Rukun Negara dan BN ditubuhkan, Malaysia masih aman, damai dan stabil dengan kesemua kaumnya bersedia mencapai status negara maju dalam tahun 2020.